

13 AUG 2000

Kart-Enduro

GP3 MALAYSIA JUARAI INDY 40 ENDURO PIALA PERDANA MENTERI

LANGKAWI, 13 Ogos (Bernama) -- Pasukan GP3 Malaysia muncul juara Kejohanan Antarabangsa Kart Indy 40 Enduro Cabaran Langkawi 2000 selepas kemenangan FCS dari Jepun dibatalkan atas sebab-sebab teknikal di sini hari ini.

FCS memenangi perlumbaan tahan lasak tanpa henti selama empat jam itu di litar lumba kart Morac tetapi keputusan itu dibatalkan kerana FCS didapati melanggar peraturan Persekutuan Automobol Antarabangsa (FIA) daripada segi berat kart dan pemandu.

Berikutan keputusan itu GP3 Malaysia yang sebelum itu menduduki tempat kedua diisytihar sebagai pemenang perlumbaan.

GP3 yang dianggotai pelumba berpengalaman Keifli Othman, Nafee Kassim, Nurmad Jusat dan Firhad Mokhzani menamatkan perlumbaan 257 pusingan itu dengan masa 3 jam 59 minit 58.98 saat. Mereka meraih piala Perdana Menteri berserta wang tunai RM40,000.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melepaskan perlumbaan itu.

"Kami bersyukur kerana menjuarai kejohanan itu walaupun pada awalnya tidak menduganya sama sekali," kata Keifli, 28, selepas keputusan secara rasmi dikeluarkan oleh penganjur.

Katanya kejayaan itu adalah berkat usaha gigih dan kerjasama yang ditunjukkan oleh setiap pelumba pada perlumbaan itu.

Kehampaan FCS Jepun terubat apabila satu lagi pasukan dari negara berkenaan Kikikart Shop yang dianggotai Inone Shoji, Hamani Hiroshi, Kawabata Teiji dan Tanioka Tsutomu menduduki tempat kedua dengan masa 3:59:59:91 saat untuk merebut hadiah wang tunai RM30,000.

Pasukan dari Hong Kong yang dianggotai Yau Tak Yit, Wong Tim Wai, Chung Sim Fan dan Yeung Chi Ho menduduki tempat ketiga dengan masa 4:00:18:75 saat untuk membolot hadiah wang tunai RM20,000.

Sajibumi Young Guns dari Malaysia yang dibarisi pelumba muda Nik Irwan Nik Izani, James Nicholas Veerapen, Aaron Lim dan Victor Chong menduduki tempat keempat.

Satu lagi pasukan Malaysia, Morac UK yang dibarisi juara Asean Kart Prix Langkawi 2000 Mohd Fairuz Fauzy, Mieckal Ali dari Indonesia, Mongkul (Thailand) dan Rohairijaz (Malaysia) menduduki tempat ke-9.

Kejohanan kali ini disertai 22 pasukan termasuk dari Itali, Jepun, Singapura dan China.

Sementara itu, Rodney F. Magness muncul juara kejohanan Kart Prix Formula Rotax 125 yang turut diadakan sempena perlumbaan itu di sini.

Magness memenangi perlumbaan 20 pusingan itu dengan masa 16 minit 57.16 saat manakala pemenang sirkit pertama di Sepang bulan lepas Raja Razman Raja Idris menduduki tempat kedua dan Ferhan Fauzy di tempat ketiga.

Perlumbaan dua hari itu dianjurkan bersama oleh Mofaz Motorsport Sdn Bhd, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Kelab Motorsport Langkawi.

Juara dunia kart lima kali Formula Supper "A" Danilo Rossi menyampaikan hadiah kepada pemenang.

-- BERNAMA

ZI NH AKD